

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap kematian 2 pelancong China dan seorang jurulatih yang sedang menyelam disebabkan penggunaan bom ikan di kawasan tersebut oleh nelayan yang tidak bertanggungjawab.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) tidak melesenkan penyelam ataupun mempunyai bidang kuasa untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan ke atas kegiatan bom ikan di sekeliling kawasan perairan Sabah. Pengurusan dan pentadbiran kawasan marin Sabah juga adalah dibawah bidang kuasa Taman-Taman Sabah.

Walaupun MOTAC sedia memberi kerjasama kepada Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, dan agensi penguatkuasaan yang lain dalam inisiatif membanteras kegiatan pengeboman ikan oleh nelayan yang tidak bertanggungjawab.

MOTAC melalui Pejabat MOTAC Negeri Sabah juga di dalam proses merangka SOP baru di bawah ISO21101:2014 Sistem Pengurusan Keselamatan-Pelancongan Kembara di dalam usaha

## **NO. SOALAN : 11**

meningkatkan lagi mutu kualiti perkhidmatan oleh pengendali aktiviti skuba. Kerjasama bersama Jabatan Standard Malaysia ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi kepekaan pengendali aktiviti skuba berkaitan isu keselamatan pelancong serta langkah-langkah untuk mengurangkan risiko bagi perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Di samping itu, MOTAC juga mengadakan sesi keterlibatan dari semasa ke semasa bersama Persatuan Pelancongan Semporna dan Persatuan Penyelam Profesional Semporna bagi menjadikan penyelam-penyelam berlesen ini sebagai mata dan telinga bagi memantau aktiviti pengeboman ikan untuk dilaporkan kepada pihak berkuasa. Diharapkan agar usaha ini dapat membantu pihak berkuasa di dalam mengurangkan aktiviti pengeboman ikan di Daerah Semporna dan Sabah secara umumnya.

Sekian, terima kasih.